

*Penggunaan Simbol bagi Meningkatkan  
Penulisan Karangan*

**Rohani Mafot**

rohani\_mafot@moe.edu.sg  
Sekolah Rendah Pei Tong

*Abstrak*

Kerap kali murid mendapati sukar untuk mengembangkan isi karangan berdasarkan karangan bergambar. Oleh itu, satu pendekatan dengan menggunakan simbol-simbol diharap dapat membantu pelajar meluaskan isi cerita secara terarah. Sehubungan dengan itu, pendekatan ini mengaplikasikan strategi Kecerdasan Pelbagai, *Multiple Intelligence*, yang diutarakan oleh Howard Gardner (1983) yang boleh membantu murid membuat tafsiran maklumat berdasarkan kepada sesuatu bentuk atau corak yang terdapat di sekeliling mereka. Kajian ini merupakan satu kajian tindakan yang melibatkan 20 pelajar Darjah 5 bagi kumpulan eksperimental dan kumpulan terkawal. Kajian ini melibatkan simbol-simbol dari aspek Deria, Struktur, Dialog, Perasaan, Kejutan dan Nilai Murni. Berdasarkan strategi tersebut, dapatan kajian menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan bagi kumpulan eksperimental. Murid dapat mengembangkan dan mengolah isi cerita berpandukan kepada simbol-simbol yang diketengahkan. Hal ini menunjukkan bahawa pendekatan pengajaran yang melibatkan penggunaan simbol-simbol dapat membantu murid mengembangkan isi karangan dengan baik.

Kata Kunci: Kecerdasan Pelbagai, Simbol, Karangan Bergambar



## PENGENALAN

Murid mendapati sukar untuk mengembangkan isi dan mempelbagai gaya bahasa karangan berdasarkan gambar-gambar yang diberi. Idea untuk menulis karangan berdasarkan gambar-gambar ini selalunya terhasil melalui perbincangan berbentuk tanya jawab antara guru dengan murid.

Bagi membantu murid untuk mencerna isi yang mencukupi dengan idea yang segar dan asli, projek ini telah mengenalkan satu pendekatan untuk menggunakan simbol-simbol yang dapat membantu murid meluaskan isi cerita secara terarah.

Menurut Kamsiah Abdullah (1993:484), antara subkemahiran yang perlu ada dalam penulisan karangan ialah kebolehan menulis mengikut isi dan topik yang sesuai, isi yang mencukupi, idea yang segar dan asli, menjalin perenggan yang baik, pengenalan yang jelas, gaya bahasa yang berkesan dan penutup yang kemas. Oleh itu, keberkesanan dalam penulisan karangan memerlukan kemahiran menulis yang mampu menggabungkan kebolehan mengolah isi, bahasa dan susunan organisasi yang mantap.

Sehubungan dengan itu, pendekatan ini mengaplikasikan strategi Kecerdasan Pelbagai atau *Multiple Intelligence*, yang diutarakan oleh Prof Howard Gardner (1983) di mana murid berupaya membuat tafsiran maklumat berdasarkan sesuatu bentuk atau corak yang terdapat di sekeliling mereka.

## PERNYATAAN MASALAH

Murid tidak dapat meluaskan isi karangan berdasarkan gambar dan mempelbagai gaya bahasa dengan baik. Pengembangan isi terhadap kepada apa yang tertera pada gambar-gambar yang diberi sahaja. Hal ini menyebabkan murid mendapat markah yang rendah dalam penulisan karangan berdasarkan gambar. Oleh yang demikian, kajian ini berfokus kepada isi dan gaya bahasa karangan dengan penggunaan simbol-simbol.



## TUJUAN KAJIAN

Pendekatan yang menggunakan simbol-simbol dalam penulisan diharap dapat membantu murid meluaskan isi cerita dan mempelbagai gaya bahasa secara terarah. Guru juga dapat menjadikan pelajaran penulisan karangan lebih menarik dengan simbol-simbol yang mudah difahami oleh murid. Pendekatan ini sudah pasti dapat mencetuskan dan meningkatkan minat murid dalam menulis karangan.

Tujuan kajian ini adalah seperti yang berikut:

1. Meningkatkan gaya bahasa dalam penulisan karangan murid berdasarkan gambar; dan
2. Menguji keberkesanan strategi pengajaran Kecerdasan Visual yang diutarakan oleh Prof Howard Gardner dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan Karangan Bergambar.

## KAJIAN LEPAS

Bahan yang digunakan merupakan pengambilan sebahagian daripada komponen teori Kecerdasan Pelbagai, *Multiple Intelligence* yang diasaskan oleh Prof Howard Gardner. Prof Howard Gardner dan Hatch (1989) melihat kecerdasan sebagai satu cara untuk menyelesaikan masalah yang amat bernilai dalam sesuatu budaya. Sekiranya seorang kanak-kanak tidak belajar mengikut cara guru mengajar, maka guru harus mengajar bagaimana cara kanak-kanak belajar.

Komponen yang dipilih ialah Kecerdasan Visual. kebolehan murid dalam komponen ini termasuklah berbakat mencipta, menyusun, melukis, mengecat, skema warna, garis bentuk dan ruang, mencipta gambaran mental, imaginatif aktif, peta minda, visual ruang dan mengorientasi diri dalam matriks ruang (Shearer, 2004).

Lantaran itu, simbol-simbol digunakan untuk membantu murid menggarap gambaran mental yang jelas serta imej mental melalui ilustrasi yang digunakan untuk menerangkan sesuatu komponen dalam penulisan karangan.



## KAEDAH KAJIAN

Data yang dikumpulkan menggunakan kaedah kuantitatif. Hasil daripada penulisan karangan praintervensi dan pascaintervensi diteliti. Setiap karangan dinilai berdasarkan skema pemarkahan dengan markah maksima bagi Isi: 20 markah dan Bahasa: 20 markah. Rajah berikut menunjukkan taburan markah bagi karangan yang bermutu:

Jadual 1: Taburan Markah

Band Markah	Mutu Karangan
36 - 40	Cemerlang
30 - 35	Baik
25 - 29	Sederhana
24 - bawah	Lemah

### Subjek Kajian

Kumpulan sasaran bagi kajian ini ialah 20 orang murid Bahasa Melayu darjah lima. Mereka terdiri daripada murid yang bertahap sederhana dan cemerlang.

### Instrumen Kajian

Alat pengumpulan data kualitatif yang mana markah keseluruhan karangan digunakan untuk mengukur pencapaian murid. Senarai semak yang melibatkan simbol-simbol dari aspek Deria, Struktur, Dialog, Perasaan, Kejutan dan Nilai Murni digunakan untuk mengolah isi dan mempelbagai gaya bahasa dalam penulisan karangan.

Kajian ini telah menggunakan borang maklum balas sebagai salah satu daripada data utama. Maklum balas ialah suatu senarai pernyataan yang dicetak dan bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengikut objektif kajian.

Setiap pernyataan mengandungi arahan maklum balas untuk dijawab oleh murid yang terlibat dalam kajian ini. Terdapat 6 pernyataan yang disertakan.



Format respons adalah berdasarkan kepada skala 1 mata, iaitu (1) perlu banyak bantuan, (2) perlu beberapa bantuan, (3) perlu sedikit bantuan dan (4) tidak memerlukan bantuan. Murid hanya perlu menandakan (✓) pada ruangan yang disediakan. Daripada 6 pernyataan yang telah dijawab oleh semua murid, skor yang dibahagikan kepada 3 pembahagian iaitu rendah, sederhana dan tinggi akan dikira. Pengiraan skor tersebut adalah berdasarkan jumlah purata bagi setiap pernyataan yang ditetapkan.

### Prosedur Kajian

Satu ujian karangan pra-intervensi guru telah diberikan. Karangan ini telah ditulis tanpa bantuan guru. Tugas ini diberikan untuk menilai prestasi murid dalam penulisan Karangan Bergambar.

Sesi mengajar murid kemahiran mengembangkan isi karangan dan mempelbagai gaya bahasa melalui penggunaan simbol-simbol dijalankan. Ujian karangan pasca-intervensi diberikan seminggu selepas itu. Markah yang diperoleh daripada kedua-dua ujian tersebut dianalisis untuk mengenal pasti perubahan yang ada.

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Pendekatan Kajian Tindakan yang dijalankan telah membuahkan hasil yang positif dari segi pencapaian murid dan pengajaran guru. Murid melalui pembelajaran yang menyeronokkan kerana menggunakan simbol-simbol yang mudah difahami. Simbol-simbol yang disertakan dalam sebuah pakej karangan dan ditambah pula dengan senarai semak berupa sekeping penanda buku telah dapat merangsang murid untuk meningkatkan mutu penulisan mereka. Sila rujuk Jadual 2 dan 3.

Jadual 2: Keputusan Markah

Komponen	Markah Prapenggunaan simbol	Markah Pascapenggunaan simbol
Isi	15 > 0	15 > 11
Bahasa	15 > 0	15 > 11



Jadual 3: Pengiraan Skor Kesiediaan Murid

Tahap	Peratus (%)
Rendah	5
Sederhana	30
Tinggi	65
Jumlah	100

## KESIMPULAN

Penggunaan simbol telah dapat membantu murid menulis karangan bergambar dengan menggunakan bahasa yang lebih baik. Strategi pengajaran kecerdasan visual berkesan untuk membantu murid untuk meluaskan isi cerita mengembangkan idea dengan lebih baik. Oleh itu, isi yang padat dan gaya bahasa yang pelbagai dalam sesebuah karangan bergambar berupaya menjadikan karangan tersebut menarik dan tidak membosankan untuk para pembaca. Pembaca akan terdorong untuk terus membaca tulisan itu kerana hasil karya mencerminkan pemikiran penulis. Dengan kebolehan ini, penulis cilik juga dapat menambat perasaan sesiapa juga sebagai pembaca.

## RUJUKAN

- Gardner H. & Hatch T. (1989). Multiple Intelligences go to school: Educational implications of the theory of Multiple Intelligences. *Educational Researcher*, 18(8), 4-9.
- Kamsiah H. Abdullah (1993). Karangan naratif dan laporan – satu kajian tentang matlamat fungsional dan prestasi murid-murid sekolah menengah di Singapura. *Jurnal Dewan Bahasa dan Pustaka*. 37(6), 484-493.
- Shearer C. B. (1996). Multiple Intelligence development assessment scales. UK: Multiple Intelligence Research and Consulting Inc.

